



PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025

SEJARAH

1249/1

KERTAS 1

1 jam

Satu jam

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **16** halaman bercetak.

- 1 Apakah maksud “Srivijaya” dalam Bahasa Sanskrit?
- A Kekayaan emas
 - B Pemerintahan agung
 - C Cahaya kemenangan
 - D Keunggulan kerajaaan
- 2 Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka menjadi kerajaan Melayu yang terkenal?
- I Undang-undang Pelabuhan Melaka
 - II Undang-undang Laut Melaka
 - III Hukum Kanun Melaka
 - IV Undang-undang Adat Melaka
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 3 Siapakah tokoh nasionalisme Asia yang mempelopori idea nasionalisme berikut?

Konsep *satyagraha* iaitu berpegang teguh kepada kebenaran sebagai asas perjuangan tanpa keganasan

- A Ho Chi Minh
- B Mahatma Gandhi
- C Dr Sun Yat Sen
- D Sayyid Jamal al-Din al-Afghani

- 4 Pasangan yang manakah **betul** tentang gerakan nasionalisme di Asia Tenggara.

Gerakan Nasionalisme		Negara
A	Perjuangan golongan Thakin dan Pongyi	Filipina
B	Menentang pemerintahan raja berkuasa mutlak	Thailand
C	Menentang penjajahan Sepanyol	Vietnam
D	Gerakan revolusi pimpinan Ho Chi Min	Burma

- 5 Mengapakah Kesatuan Melayu Muda (KMM) dianggap sebagai pertubuhan radikal?

- A** Memperjuangkan kemerdekaan secara setempat
- B** Keberanian menghadapi konflik dengan komunis
- C** Memperjuangkan konsep gagasan Indonesia Raya
- D** Keberanian membangkitkan perasaan anti-British

- 6 Deklarasi berikut dihasilkan dalam Persidangan Damai Paris Januari 1919.

Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson

Apakah prinsip utama deklarasi tersebut?

- I** Penentuan nasib negara oleh rakyat sendiri
 - II** Sempadan negara berdasarkan bangsa
 - III** Pakatan ketenteraan diperkukuh
 - IV** Kuasa veto untuk negara menang dalam perang
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 7 Maklumat berikut berkaitan Gerakan Fi-Sabilillah di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua

- Tentera Selempang Merah di Johor
- Khalifah Parang Panjang di Perak

Mengapakah gerakan tersebut ditubuhkan?

- A Mempertahankan maruah bangsa Melayu
 - B Menentang kekejaman Tentera Jepun
 - C Memprotes Pentadbiran Tentera British
 - D Membantah pembentukan Malayan Union
- 8 Pada 25 Julai 1949, sebuah Jawatankuasa Kerja telah dibentuk. Apakah matlamat jawatankuasa tersebut?

- A Merundingkan kemerdekaan
- B Menggubal Perlembagaan Malayan Union
- C Membuat persediaan untuk pilihan raya umum
- D Merangka perjanjian untuk persekutuan baharu

- 9 Maklumat berikut berkaitan dengan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Communities Liaison Committee (CLC)

Mengapakah jawatankuasa tersebut diwujudkan?

- A Meningkatkan taraf hidup rakyat
- B Memupuk persefahaman kaum
- C Merangka perlembagaan negara
- D Membangkitkan kesedaran politik

- 10** Fahaman komunisme mula tersebar sebelum meletusnya Perang Dunia Kedua.
Apakah ciri fahaman tersebut?
- A** Ekonomi milik negara
 - B** Negara diketuai oleh raja
 - C** Pelaksanaan demokrasi terpimpin
 - D** Rakyat memiliki kebebasan bersuara
- 11** British telah memindahkan penduduk di kawasan pinggir hutan ke Kampung Baharu dalam usaha menangani ancaman komunis di Tanah Melayu.
Apakah kesan daripada tindakan tersebut?
- A** Merenggangkan hubungan kaum
 - B** Memajukan Kawasan pedalaman
 - C** Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - D** Melonggarkan syarat kerakyatan
- 12** Mengapakah Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) mencadangkan penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA) pada tahun 1950?
- A** Melaksanakan sistem perundangan Barat
 - B** Memberi pendidikan percuma secara berterusan
 - C** Mengekalkan penguasaan ekonomi orang asing
 - D** Memberi peluang ekonomi kepada orang Melayu

- 13** Penduduk Tanah Melayu dilantik sebagai Ahli dalam Sistem Ahli pada tahun 1951. Mengapakah pelantikan tersebut penting terhadap Tanah Melayu?

A Penjimatan perbenanjaan kerajaan
B Pengukuhan kuasa politik bumiputera
C Persediaan kearah berkerajaan sendiri
D Pengekalan sistem pentadbiran tradisional


- 14** Maklumat berikut berkaitan dengan keputusan Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955.

Parti yang bertanding	Kerusi yang ditandingi	Kerusi yang dimenangi
Parti Perikatan	52	51

Apakah nilai yang dapat dikaitkan dengan keputusan tersebut?

- A** Permuafakan
B Berdikari
C Kesungguhan
D Keberanian
- 15** Siapakah yang melantik ahli Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) sebelum Pilihan Raya Persekutuan diadakan?
- A** Majlis Raja-Raja
B Parlimen Britain
C Pesuruhjaya Tinggi British
D Gabenor Negeri-Negeri Selat

16 Gambar berikut merupakan anggota Kabinet Pertama Persekutuan Tanah Melayu 1955



Apakah peranan kabinet tersebut?

- I Membincangkan keselamatan dalam negeri
 - II Mengukuhkan kuasa orang Melayu
 - III Melindungi jawatan pegawai British
 - IV Mengurangkan kuasa pentadbiran British
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

17 Apakah perkara yang dituntut oleh Persekutuan Tanah Melayu dalam Rundingan London?

- I Pegawai British mengetuai Persekutuan Tanah Melayu
 - II Menteri Pertahanan daripada rakyat tempatan
 - III Setiausaha Kewangan digantikan dengan Menteri Kewangan
 - IV Mengadakan perjanjian pertahanan dengan British
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

- 18 Mengapakah pemilihan Yang di-Pertuan Agong mestilah dalam kalangan Raja Melayu?
- A Termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan
 - B Menjamin kuasa mutlak Raja-raja Melayu
 - C Baginda mempunyai kuasa budi bicara
 - D Berperanan dalam Suruhanjaya Cobbold
- 19 Jawatankuasa Sambutan telah dibentuk bagi menyambut kemerdekaan negara. Menteri dan pegawai khas kerajaan akan mengenakan pakaian khas. Apakah pakaian yang digunakan oleh mereka?
- A Baju Batik
 - B Baju muskat
 - C Baju kurung
 - D Baju kemeja
- 20 Apakah yang dimaksudkan dengan wilayah pengaruh dalam pembentukan Persekutuan Tanah Melayu?
- A Jajahan takluk
 - B Pusat pentadbiran
 - C Daerah percukaian
 - D Kawasan bersempadan

Join SPM Study Group
<https://spmpaper.me/group>



- 21 Pasangan pernyataan manakah yang **betul** tentang kepentingan mewujudkan negara berdaulat?

Keberkesanan Pentadbiran		Kesejahteraan Sosial
A	Mengembalikan kuasa bangsawan	Melaksanakan dasar hubungan luar
B	Mengukuhkan pertahanan	Meningkatkan imej negara
C	Menarik pelabur asing	Meningkatkan taraf hidup
D	Mentadbir tanpa campur tangan	Melahirkan generasi yang berilmu

- 22 Maklumat berikut berkaitan peranan pemerintah dalam mengekalkan perpaduan kaum dalam sebuah negara yang berdaulat.

- Melaksanakan integrasi nasional
- Menganjurkan kempen perpaduan
- X

Apakah X?

- A Mewujudkan pentadbiran yang cekap
- B Mengagihkan sumber kekayaan dengan adil
- C Melaksanakan dasar berkaitan kebudayaan
- D Mengamalkan sikap integriti yang tinggi
- 23 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 telah digubal dan menjadi titik penting pembentukan sebuah Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah kandungan yang terdapat dalam Persekutuan Tanah Melayu?

- A Kedaulatan negara
- B Kelonggaran kewarganegaraan
- C Kemudahan infrastuktur
- D Kekuasaan raja Melayu

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 24 Mengapakah Tunku Abdul Rahman al-Haj mengusulkan untuk meminda perlembagaan tahun 1965?
- A Pertambahan ahli Dewan Negara
 - B Menangani krisis kewangan
 - C Pemisahan Singapura
 - D Mengukuhkan kuasa perundangan
- 25 Apakah kedudukan Raja-raja Melayu semasa pendudukan Jepun?
- A Berkuasa dalam hal ehwal agama Islam
 - B Berkuasa dalam menyusun pentadbiran
 - C Berkuasa dalam sistem perundangan
 - D Berkuasa dalam merangka strategi peperangan
- 26 Sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen mewujudkan konsep mekanisme semak dan imbang dalam pentadbiran.
- Apakah kuasa raja dalam konsep tersebut?
- A Meredakan konflik parti politik
 - B Menggubal undang-undang
 - C Menjamin keselamatan negara
 - D Mengimbangi pemerintahan demokrasi

27 Maklumat berikut berkaitan dengan latar belakang sistem persekutuan di negara kita.

Tahun	(Malayan Union)
1946	- Menyatukan pentadbiran semua negeri - Ditadbir bawah kuasa Gabenor British

Mengapakah Malayan Union ini gagal dilaksanakan?

- A Menanggung kos yang tinggi
- B Menerima bantahan rakyat
- C Menerima ancaman komunis
- D Menyatukan 13 buah tanah jajahan

28 Jadual berikut berkaitan dengan penubuhan majlis dalam perhubungan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri.

Majlis		
Keselamatan Negara	X	Perumahan Negara

Apakah X?

- A Majlis Kewangan Negara
- B Majlis Air Negara
- C Majlis Tanah Negara
- D Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan

29 Mengapakah Jawatankuasa Antara Kerajaan (JAK) ditubuhkan pada bulan Ogos 1962?

- A Menyebarkan maklumat berkaitan Malaysia
- B Melindungi kepentingan Sarawak dan Sabah
- C Mengumpul pandangan penduduk Singapura
- D Meyakinkan penduduk tentang penubuhan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

- 30** Maklumat berikut berkaitan tokoh yang dilantik oleh Jeneral Suharto dalam Perjanjian Persetujuan Normalisasi Hubungan Indonesia-Malaysia pada 1965.

- Jeneral Ali Moertopo
- Adam Malik

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A** Hubungan diplomatik terputus
 - B** Sistem beraja ditamatkan
 - C** Pakatan tentera dibentuk
 - D** Dasar konfrontasi berakhir
- 31** Apakah cabaran kerajaan dalam memajukan sistem perhubungan dan pengangkutan di Sabah dan Sarawak?
- A** Kekurangan tenaga mahir
 - B** Teknologi rendah
 - C** Saiz negeri yang besar
 - D** Tentangan dari negara jiran
- 32** Apakah isu yang perlu diatasi melalui Rancangan Malaysia Pertama 1966-1970?
- I** masalah kesihatan
 - II** taraf hidup yang berbeza
 - III** perkhidmatan awam
 - IV** ketegangan parti politik
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

33 Dasar Kebudayaan Kebangsaan telah digubal melalui Kongres Kebudayaan Kebangsaan pada tahun 1971.

Mengapakah dasar tersebut digubal?

- A** Mengukuhkan perpaduan negara
- B** Melahirkan tokoh nasionalis
- C** Menghargaiinggalan sejarah
- D** Meningkatkan semangat kesetiaan

34 Logo berikut diperkenalkan sempena sambutan 50 tahun Rukun Negara?



Apakah maksud bulan dan bintang dalam logo tersebut?

- A** Keluhuran perlembagaan
- B** Kedaulatan undang-undang
- C** Kepercayaan kepada tuhan
- D** Kesetiaan pada raja dan negara

35 Mengapakah kerajaan memperkenalkan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) pada tahun 1991?

- A** Melicinkan pentadbiran
- B** Mencapai perpaduan negara
- C** Menyeragamkan sistem kewangan
- D** Memperkukuh sektor pertahanan

[Lihat halaman sebelah

36 Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) telah berjaya mencapai matlamat mengurangkan kadar kemiskinan di negara kita.

Bagaimanakah matlamat tersebut dicapai?

- I** Membuka peluang pekerjaan
 - II** Memperkenalkan teknologi moden
 - III** Memantapkan sistem pendidikan
 - IV** Menambah pendapatan isi rumah
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV

37 Maklumat berikut berkaitan dengan Rancangan Colombo pada tahun 1951.

- | |
|--|
| <ul style="list-style-type: none">• Beri khidmat nasihat• Beri bantuan• Beri latihan kakitangan awam |
|--|

Apakah tujuan Malaysia menyertai rancangan tersebut?

- A** Memantap ekonomi negara
- B** Mengharumkan nama negara
- C** Mengatasi masalah kemiskinan
- D** Memenuhi keperluan antarabangsa

38 Maklumat berikut berkenaan cabaran politik antarabangsa.

Malaysia menjalinkan hubungan dengan negara China

Mengapakah Malaysia menjalinkan hubungan tersebut?

- A Mengadakan hubungan diplomatik
- B Memantapkan hubungan dua hala
- C Mengadakan rancangan ekonomi
- D Mengamalkan dasar berkecuali

39 Gambar berikut menunjukkan pelibatan Malaysia dalam Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) sebagai Setiausaha Agung pada tahun 1970 hingga 1974.



Apakah kesan pelibatan Malaysia tersebut?

- A Memartabatkan syiar Islam
- B Mengetengahkan ekonomi Islam
- C Menyelesaikan isu berkaitan Islam
- D Memastikan pembelaan masyarakat Islam

- 40** Mengapakah Malaysia menandatangani perjanjian Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (AFTA)?
- A** Meningkatkan pelaburan
 - B** Meluaskan dasar baharu
 - C** Memajukan perdagangan
 - D** Mengukuhkan keselamatan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT